



**TEKS UCAPAN
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI.**

**SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)**

PADA 9 MEI 2019

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Saudara Pengacara Majlis,

YANG BERHORMAT, TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,
Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YBHG. DATO' SRI MOHD SHUKRI BIN ABDULL,
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM);

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI SUHAIMI BIN MAMAT,
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

Yang Berbahagia Dato' Sri, Dato'-Dato' Ketua-Ketua Pengarah, Jabatan-Jabatan serta Agensi;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga KATS yang dihormati sekalian.

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian atas pengajuran Perhimpunan Bulanan KATS pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua warga KATS yang beragama Islam.

Hadirin sekalian,

1. Masa berlalu begitu pantas. Hari ini genap setahun Kerajaan Pakatan Harapan menerajui pentadbiran negara setelah memenangi Pilihan Raya Umum ke 14 pada 9 Mei 2018.

2. Kini selepas dilantik menjadi Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli mulai Julai 2018 saya merasakan bahawa kita mempunyai satu tanggungjawab yang cukup besar. Ini kerana sektor air, tanah dan sumber asli meliputi bidang yang sangat luas dan memerlukan komitmen serta kecekapan yang tinggi bagi memastikan ia dapat diurus tadbir dengan penuh tanggungjawab dan baik. Justeru, saya ingin menyeru semua warga Kementerian serta jabatan dan agensi di bawah KATS agar kita dapat bekerjasama sebagai satu pasukan yang jitu bagi mencapai Misi, Visi dan Objektif Kementerian. Saya percaya dengan semangat dan iltizam yang ada, pengurusan air, tanah dan sumber asli negara akan dapat dilaksanakan secara mampan untuk kesejahteraan rakyat.

Hadirin sekalian,

3. Pada hari ini saya amat berbangga untuk berkongsi sebahagian daripada kejayaan dan pencapaian KATS. Antaranya ialah:-

i) Penstrukturran Perkhidmatan Air Selangor.

Syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd menjadi operator tunggal perkhidmatan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya;

ii) Kempen Selamatkan Harimau Malaya

Komitmen bagi memerangi pemburu haram dan meningkatkan bilangan Harimau Malaya yang kini tinggal kurang daripada 200 ekor.

iii) Air Tidak Berhasil (NRW)

Menetapkan sasaran penurunan purata NRW Kebangsaan kepada 31 peratus pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-11

iv) Penyediaan SOP Bauksit yang holistik.

Perlombongan dan pengeksportan bauksit yang lestari di Kuantan menerusi penyediaan SOP yang mantap dan holistik meminimumkan kesan kepada orang ramai.

v) Pemasyhuran Lembah Kinta Geopark dan Jerai Geopark

Memberi destinasi baharu pelancongan serta pemuliharaan sumber warisan geologi, selain menjana pendapatan tambahan penduduk setempat.

vi) Persempadan Antarabangsan Darat Negara

Memuktamadkan 74 peratus jarak sempadan antarabangsa darat negara dengan Thailand, Indonesia dan Brunei.

vii) Penyelesaian Banjir di Tawau, Sabah

Permohonan Peruntukkan RM300 juta bagi membangunkan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau bagi mengatasi masalah banjir.

viii) Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah di *Water Stress Area*;

Pembangunan 35 buah telaga tiub di kawasan bermasalah bekalan air bersih memanfaatkan kira kira 9000 orang

ix) Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut

Pengaktifan sebanyak 25 buah telaga bawah tanah di 9 lokasi seluruh negara bagi mencegah dan mengurangkan kebakaran di kawasan gambut

x) Pencapaian Antarabangsa

NAHRIM dan JPS merangkul 3 pingat emas di *Istanbul International Invention Fair 2018* (ISIF 18) di Turki, NAHRIM turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Grand Prix ISIF 18

4. Sesungguhnya pencapaian dan kejayaan ini dapat kita nikmati hasil kerjasama erat yang terjalin di antara semua pihak termasuklah Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Jabatan-jabatan serta agensi di bawah KATS. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian dan Jabatan serta Agensi di bawah KATS di atas kerjasama dan sokongan terhadap pelbagai program KATS bagi tempoh setahun ini.

Adalah diharapkan agar kerjasama yang sedia terjalin ini dapat kita perkukuhkan lagi di masa hadapan. Kita telah berkerjasama sebagai satu pasukan dan akan terus memperbaiki lagi mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di luar sana yang menjadi *stakeholder* utama kita.

Hadirin sekalian,

5. Di dalam memberikan perkhidmatan, terdapat keperluan untuk kita **membuat keputusan yang tepat dalam tempoh yang lebih cepat, mengurangkan birokrasi, mesra pelanggan serta mesra perniagaan.** Ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan yang kita berikan bahkan akan menjadi faktor **penyumbang kepada peningkatan ekonomi negara yang akhirnya akan memberikan kesejahteraan kepada kita semua sebagai rakyat Malaysia.**

Hadirin sekalian.

6. Selaku Penjawat Awam, tuan-tuan dan puan-puan perlulah bertindak sebagai sebuah pasukan pelaksana yang dapat menggerakkan Pentadbiran Kerajaan secara efisien, amanah dan berintegriti. Dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, terutama yang berkaitan dengan isu-isu kewangan dan perolehan serta penguatkuasaan ia haruslah dilaksanakan secara telus dan bebas daripada sebarang isu-isu ketirisan. Adalah penting untuk kita semua mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas masing-masing. Saya berasa gembira kerana pada hari ini kita akan melafazkan Ikrar Bebas Rasuah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita sehari-hari. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Mohd

Shukri, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang dapat hadir bersama-sama dengan kita pada pagi ini untuk menyaksikan Ikrar Bebas Rasuah bagi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

7. YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu Majlis Dialog Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan pada 30 April 2019 yang lalu, menekankan bahawa Kerajaan akan meneruskan agenda membentras rasuah bagi memulihkan semula imej Malaysia di kaca mata dunia. Perdana Menteri juga mengingatkan Penjawat Awam supaya tidak mengamalkan gejala rasuah ketika melaksanakan tugas bagi memastikan pentadbiran sektor awam dikenali sebagai berintergriti tinggi dan mendapat kepercayaan rakyat.
8. Isu-isu berkaitan integriti di kalangan anggota penguatkuasa juga sering diperkatakan oleh masyarakat dan seakan tiada penghujungnya. Antara isu-isu yang sering kedengaran adalah penglibatan dalam jenayah rasuah, tidak profesional dalam melaksanakan tugas, kelemahan pemantauan, kelemahan koordinasi antara agensi dan kegagalan dalam menguatkuasakan undang-undang. Isu-isu ini perlu diatasi dan ditangani secepat mungkin kerana ia bukan sahaja menyebabkan kehilangan pendapatan kerajaan malah boleh menyebabkan ancaman ke atas ketenteraman, keamanan, kesejahteraan dan keselamatan negara.
9. Namun demikian, pada masa sama, kita juga perlu mengakui akan kekangan yang dihadapi oleh Agensi-agensi Penguatkuasa khususnya dari segi sumber manusia, lojistik dan kewangan serta ancaman atau ugutan dari mereka yang tidak berpuas hati dengan tindakan penguatkuasaan undang-undang. Dalam hubungan ini, saya berharap agar anggota-anggota penguatkuasaan di bawah KATS dapat

melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang berintegriti tinggi dengan mengamalkan nilai-nilai profesionalisme, cekap dan memiliki kemahiran dan pengetahuan yang lengkap dalam menguatkuasakan undang-undang serta yang paling penting sekali tidak terlibat dengan gejala rasuah.

10. Sebelum mengundur diri, saya ingin mengungkap kata-kata mutiara untuk kita sama-sama renungkan daripada tokoh pelaburan tersohor dunia, Warren Buffet yang berkata, ***"In looking for people to hire, you look for three qualities: Integrity, Intelligence and Energy. And if they don't have the first, the other two will kill you"***. Saya ingin menyeru kepada seluruh warga Kementerian untuk melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan ini dengan penuh berintegriti demi agama, negara dan bangsa tercinta bagi memenuhi hasrat dan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan tadbir urus yang baik.

11. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran majlis pada hari ini. Semoga majlis ini mencapai objektifnya dan memberikan manfaat kepada KATS serta Jabatan dan Agensi di bawahnya.

Sekian, terima kasih.